

# FOLIC ACID TABLET

Folic acid (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Folic Acid
2. Bagaimana Folic Acid berfungsi
3. Sebelum menggunakan Folic Acid
4. Cara menggunakan Folic Acid
5. Semasa menggunakan Folic Acid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Folic Acid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Folic Acid

Ia digunakan untuk keadaan kekurangan darah akibat kekurangan asid folik.

## Bagaimana Folic Acid berfungsi

Folic acid terlibat dalam pelbagai proses pembentukan normal sel darah merah.

## Sebelum menggunakan Folic Acid

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Folic Acid jika ada alahan kepada ramuan-ramuan dalam tablet.

### - Sebelum menggunakan Folic Acid

Berhati-hati apabila digunakan dalam keadaan kekurangan darah akibat daripada kekurangan vitamin B12.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Folic Acid

### - Berapa banyak harus digunakan

Oral, mula dengan 10 – 20mg setiap hari untuk 14 hari, atau setelah respons diperolehi; dos pengkalan harian adalah 2.5mg - 10mg. Kanak-kanak boleh diberi dos 5 - 15 mg setiap hari, bergantung kepada keterukan keadaan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda..

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Folic Acid

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Folic Acid. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Folic Acid kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Pada amnya, tiada kesan sampingan yang dilaporkan untuk Folic Acid. Walau bagaimanapun, jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Folic Acid

### - Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat warna kuning dan berskor atas..

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: folic acid
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate

### - Nombor MAL

MAL19912085XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

08/01/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)080118/00002